

18/02/2003

Usah buang masa layan kerenah pemimpin Singapura

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak akan melayan atau membuat sebarang maklum balas berhubung kenyataan terbaru Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong

yang menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang doktor yang bijak mereka-reka cerita.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata: "Ini bukanlah sesuatu perkara yang luar biasa bagi Singapura untuk memainkan permainan sebegitu.

"Saya rasa kita akan hanya membuang masa sekiranya asyik memberi maklum balas (mengenai perkara itu).

"Kita kini sibuk dengan pengurusan Sidang Kemuncak Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan tumpuan kini menjurus kepada perkembangan dalam negara.

"Kita tidak sepatutnya memberi sebarang maklum balas terhadap sebarang kenyataan yang tidak baik yang sering dilontarkan kepada Malaysia," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan tandatangan sempena Kempen Sejuta Tandatangan di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan Bernama semalam mengenai kenyataan Goh yang menyifatkan Dr Mahathir seorang doktor yang bijak mereka-reka cerita

ekoran pendedahan Perdana Menteri mengenai bantahan Goh berhubung cadangan

membina jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor.

Perdana Menteri Singapura itu dipetik sebagai berkata: "Saya berpendapat

beliau mereka cerita dengan baik. Kita di Singapura tidak pandai mereka cerita. Kita lebih suka kepada pendekatan yang serius."

Ucapan Goh itu dilaporkan akhbar Straits Times semalam, sehari selepas jurucakap Kementerian Luar republik itu menyangkal kenyataan Dr Mahathir pada Jumaat lalu, dan menganggap Perdana Menteri Malaysia 'seorang penglipur lara'.

Sementara itu, Dr Mahathir yang diminta mengulas kenyataan jurucakap Kementerian Luar Singapura itu, berkata: "Tak apalah itu komen dia."

Menjawab satu soalan bahawa masalah hubungan dua hala Malaysia-Singapura

adalah satu cerita yang tiada penghujungnya, Perdana Menteri berkata:

"Ya... tetapi saya tidak akan meneruskan cerita ini."

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyaksikan raptai sambutan sidang kemuncak NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.